

KEMPEN "YEAR END EXTRAVAGANZA" UOBM TERMA & SYARAT

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOBM") sedang menjalankan **KEMPEN "YEAR END EXTRAVAGANZA"** ("Kempen") dari **8 Oktober 2018** sehingga **10 Februari 2019** (kedua-dua tarikh termasuk) atau apa-apa tarikh lain yang ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa ("Tempoh Kempen").

KELAYAKAN KEMPEN

1. Ahli-Ahli Kad Yang Layak, Pemohon Pinjaman Peribadi Yang Layak dan Pelanggan Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Layak, secara majmuknya dirujuk sebagai ("Pelanggan Yang Layak"), adalah seperti berikut:
 - a) Semua Ahli Kad Kredit Utama MasterCard/Visa di mana akaun-akaunnya yang dimiliki dengan UOBM adalah semasa, sah dan wujud seperti yang ditentukan oleh UOBM mengikut budi bicara tunggal dan mutlakanya, serta tidak melanggar Perjanjian Ahli Kad MasterCard/Visa UOBM (dirujuk sebagai "Perjanjian Ahli Kad");
 - b) Semua pemohon UOBM Pinjaman Peribadi di mana kemudahan pinjaman peribadi mereka telah diluluskan dan dikeluarkan dalam Tempoh Kempen ("Pemohon Pinjaman Peribadi Yang Layak") dan akaunnya dengan UOBM adalah semasa, sah dan wujud seperti yang ditentukan oleh UOBM mengikut budi bicara tunggal dan mutlakanya; dan
 - c) Semua pelanggan individu UOBM yang baru dan sedia ada dengan akaun semasa dan / atau simpanan yang dibuka dan dijaga dengan UOBM kecuali Akaun Pinjaman Perumahan Flexi dalam Tempoh Kempen ("Pelanggan Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Layak") tertakluk kepada Klausula 19(b) dan (c).
2. Ahli Kad Kredit MasterCard/Visa, Korporat, Pembelian dan Label Peribadi UOBM adalah **tidak** layak untuk menyertai Kempen.
3. Berikut adalah mereka yang **tidak** layak untuk memenangi Hadiah Utama:-
 - a) Semua kakitangan (termasuk kakitangan tetap, kontrak atau sementara) UOBM, anak syarikat UOBM dan syarikat berkaitan UOBM;
 - b) Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan promosi) UOBM, anak syarikat UOBM dan syarikat berkaitan UOBM; dan
 - c) Pemilik tunggal, Perkongsian, Organisasi / Pertubuhan Amal / Persatuan, serta Pelanggan Korporat dan Komersial.

PENDAFTARAN

4. Untuk menyertai Kempen ini, Ahli-Ahli Kad Yang Layak mesti melakukan pendaftaran sekali dalam Tempoh Kempen melalui perkhidmatan pesanan ringkas ("SMS") seperti di bawah:

Proses pendaftaran adalah seperti berikut:

- a. SMS: **U2**<ruang>**nombor Kad Kredit atau Kad Debit 16-digit UOBM anda** kepada **66300**; atau
- b. Ahli Kad Yang Layak yang menerima jemputan SMS dari UOBM perlu mengikut arahan yang tertera pada SMS untuk mendaftar; atau
- c. Daftar dalam talian di uob.my/extravaganza.

5. Ahli-Ahli Kad Yang Layak mesti memasukkan nombor Kad yang betul seperti yang tertera pada jemputan SMS atau ikuti arahan untuk mendaftar seperti yang dinyatakan dalam Laman Web Promosi berikut:- (uob.my/extravaganza).
6. Caj piawaian telekomunikasi akan dikenakan bagi setiap SMS yang dihantar dan caj itu adalah ditanggung oleh Ahli Kad.
7. Selepas pendaftaran berjaya, Ahli-Ahli Kad Yang Layak akan menerima pengesahan melalui SMS (hanya untuk pendaftaran melalui SMS sahaja) atau pengakuan pendaftaran di Laman Web Promosi (hanya untuk pendaftaran dalam talian sahaja). Pendaftaran tersebut dianggap tidak berjaya jika Ahli-Ahli Kad Yang Layak tidak menerima apa-apa pengesahan atau pengakuan pendaftaran untuk Kempen ini dari UOBM pada / sebelum 10 Februari 2019.
8. Sekiranya nombor kad yang diterima oleh UOBM tidak lengkap / tidak sah, SMS akan dihantar kepada nombor telefon bimbit yang didaftarkan untuk kempen ini oleh Ahli-Ahli Kad Yang Layak tanpa sebarang kos bagi memaklumkan mereka untuk mendaftar semula untuk kempen ini melalui SMS.
9. Setelah berjaya mendaftar, Ahli-Ahli Kad Yang Layak mesti menggunakan Kad UOBM untuk memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang dinyatakan di bawah.

MEKANISMA KEMPEN - AHLI-AHLI KAD YANG LAYAK

10. Perbelanjaan Yang layak hendaklah, bagi tujuan Kempen ini, bermaksud perbelanjaan tidak kurang daripada RM50 (atau yang bersamaan dalam mana-mana mata wang asing barangkalinya) bagi setiap transaksi yang dibuat dalam Tempoh Kempen menggunakan Kad UOBM bagi mendapatkan penyertaan untuk Kempen ini ("Perbelanjaan Yang Layak"). Sekiranya mana-mana Perbelanjaan Yang Layak dibuat dalam mata wang asing selain daripada Ringgit Malaysia, kadar tukaran semasa UOBM hendaklah diguna pakai.
11. Ahli-Ahli Kad yang Layak yang memenuhi kriteria pendaftaran yang dinyatakan di atas dan memenuhi Perbelanjaan Yang Layak dalam Tempoh Kempen ("Kriteria Kelayakan") berpeluang untuk disenarai pendek bagi memenangi Hadiah.
12. Perbelanjaan Yang Layak bermula pada 8 Oktober 2018 jam 00:00 (12.00 pagi waktu Malaysia) dan berakhir pada 10 Februari 2019 jam 23:59 (11.59 malam waktu Malaysia).
13. Perbelanjaan Layak Ahli-Ahli Kad Tambahan Layak akan digabungkan dengan Perbelanjaan Layak Ahli-Ahli Kad Utama dalam Kempen ini untuk menentukan sama ada Ahli-Ahli Kad Layak Utama memenuhi Kriteria Kelayakan. Bagi mengelak keraguan, hanya Kad Ahli-Ahli Utama sahaja yang berkelayakan untuk berpeluang mendapatkan Hadiah.
14. Perbelanjaan Tidak Layak adalah termasuk:
 - a) Caj Kewangan;
 - b) Caj Lewat;
 - c) Yuran Tahunan;
 - d) Pecahan transaksi dan / atau tidak sah;
 - e) Penarikbalikan atau bayaran balik;
 - f) Cukai Jualan dan Perkhidmatan atau mana-mana cukai yang perlu dibayar mengikut undang-undang; dan

- g) Transaksi lain yang ditentukan UOBM; dan Perbelanjaan Tidak Layak tidak layak untuk kempen ini.
15. Perbelanjaan Yang Layak yang dibuat dalam Tempoh Kempen mesti direkod oleh sistem Kad yang dikendalikan UOBM untuk layak menyertai Kempen ini.
16. Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Jadual A di bawah, bagi **setiap RM50 (atau yang setaraf dengannya, mengikut mana-mana yang berkenaan) yang dibelanjakan dalam satu transaksi**, Ahli Kad berhak memperoleh bilangan penyertaan seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah ("Penyertaan Yang Layak").

Jadual A

Bil.	Kategori Perbelanjaan Yang Layak	Penyertaan Yang Layak (atau yang setaraf dengannya)	Syarat Perbelanjaan / Penggunaan
1	Perbelanjaan Runcit	1	Perbelanjaan Yang Layak di mana-mana kedai runcit di Malaysia
2	Perbelanjaan Dalam Talian	3	Perbelanjaan Yang Layak yang dilakukan dalam talian
3	Pembayaran <i>Contactless</i>	3	Perbelanjaan Yang Layak menggunakan Visa <i>payWave</i> dan/atau MasterCard <i>Contactless</i>
4	<i>Mighty Pay</i>	3	Perbelanjaan Yang Layak menggunakan <i>Mighty Pay</i>
5	<i>Card on File/Berulang</i>	3	Perbelanjaan Yang Layak menggunakan Visa dan/atau MasterCard
6	Ben's Independent Grocer	3	Perbelanjaan Yang Layak yang dilakukan di mana-mana cawangan
7	Stesen Petron	3	Perbelanjaan Yang Layak yang dilakukan di mana-mana cawangan
8	Quill Automobiles	2	Perbelanjaan Yang Layak yang dilakukan di mana-mana cawangan
9	Melakukan transaksi kewangan dalam talian melalui: a) Perbankan Internet Peribadi UOB	1	"Transaksi Kewangan" merujuk kepada mana mana transaksi seperti yang dinyatakan dibawah: i. Pindahan Dana (termasuk pindahan kepada akuan pihak ketiga dan / atau IBG dan / atau <i>Instant Transfer</i> ; ii. Pembayaran kad kredit (termasuk pembayaran ke kad kredit UOB sendiri dan / atau kad kredit pihak ketiga; iii. Pembayaran pinjaman (termasuk pembayaran

Bil.	Kategori Perbelanjaan Yang Layak	Penyertaan Yang Layak (atau yang setaraf dengannya)	Syarat Perbelanjaan / Penggunaan
	b) App UOB Mighty Malaysia	2	ke akaun pinjaman UOB sendiri dan /atau akaun pinjaman pihak ketiga; iv. Pembayaran bil (termasuk pembayaran menggunakan Kad Kredit UOB dan / atau JomPAY. v. Tambah Nilai Telefon Bimbit Prabayar
10	a) Perbelanjaan luar negara atau dalam talian yang menggunakan mata wang asing	5	a) Perbelanjaan Yang Layak yang dilakukan dalam mata wang asing, di mana amaun transaksi tersebut akan ditukar kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar tukaran asing yang digunapakai UOBM
	b) Pelan Pembayaran Ansuran	5	b) Minimum RM500 Pelan Pembayaran Ansuran
	c) Pelan Pembayaran <i>Easi</i> / Pemindahan Baki	5	c) Minimum RM500 Pelan Pembayaran <i>Easi</i> ; Minimum RM1,000 Pemindahan Baki
	d) Kenaikan Tetap Had Kredit / Pelan Kredit <i>Flexi</i>	5	d) Kenaikan minimum sebanyak RM1,000
	e) Pelan Kredit <i>Flexi</i>	5	e) Minimum RM1,000 kredit yang diluluskan
	f) Permohonan Kredit Kad baru	10	f) Mana-mana Kad Kredit yang dipohon, diluluskan dan diaktifkan dalam Tempoh Kempen (terpakai bagi kedua-dua Kad Utama dan Kad Tambahan)
Maksima Penyertaan Yang Layak dihadkan kepada seratus (100) penyertaan bagi setiap transaksi.			

MEKANISMA KEMPEN - PEMOHON PINJAMAN PERIBADI YANG LAYAK

17. Tertakluk kepada Klausula 1 (b) di atas, Pemohon Pinjaman Peribadi Yang Layak akan didaftarkan ke dalam Kempen ini secara automatik.
18. Pemohon Pinjaman Peribadi Yang Layak berhak memperoleh bilangan penyertaan seperti yang dinyatakan dalam jadual B di bawah ("Penyertaan Yang Layak").

Jadual B

Bil.	Kriteria	Penyertaan Yang Layak (atau yang setaraf dengannya)	Terma Penggunaan
1	Permohonan pinjaman peribadi baru	10	a) Mana-mana pinjaman peribadi yang diluluskan dan dikeluarkan dalam Tempoh Kempen (dengan amaun minimum RM5,000)

19. Penyertaan Tambahan – Pelanggan Yang Layak

- a) Ahli-Ahli Kad Yang Layak yang membelanjakan minimum bersamaan dengan RM2,500 sebulan dalam Tempoh Kempen akan memperolehi lima puluh **(50)** penyertaan tambahan.
- b) Pembukaan mana-mana akaun semasa/simpanan dengan simpanan minimum RM1,000 akan memperolehi sepuluh **(10)** penyertaan tambahan.
 - Mana-mana akaun semasa/simpanan termasuk ONE Account, Savings Plus Account, e-Account, Passbook Savings Account, Basic Savings Account, Basic Current Account, Privilege Account, Wealth Premium Account dan i-Account.
 - “Pembukaan mana-mana akaun” merujuk kepada akaun baru yang dibuka dan diluluskan dalam Tempoh Kempen. Bagi mengelakkan keraguan, pelanggan perlu menyimpan dalam akaun tersebut pada bulan yang sama akaun tersebut dibuka.
- c) Purata pertambahan minimum sebanyak RM500 dalam CASA akan memperolehi lima **(5)** penyertaan tambahan.
 - Purata pertambahan minimum dalam akaun Pelanggan Yang Layak dikira menggunakan purata baki harian (*average daily balance (ADB)*).

Contoh 1: Pertumbuhan bagi bulan Oktober 2018

$$= \frac{\text{Jumlah baki akhir setiap hari antara 1 Oktober 2018 sehingga 31 Oktober 2018}}{\text{Bilangan hari dalam bulan Oktober 2018}} - \text{Baki purata CASA pada bulan September 2018}$$

- d) Pelanggan Yang Layak yang memuat turun app UOB Mighty Malaysia dan mendaftar masuk ke Mighty buat pertama kalinya akan memperolehi sepuluh **(10)** penyertaan tambahan.
 - “Mendaftar masuk ke Mighty” merujuk kepada proses dimana Pelanggan Yang Layak log masuk ke akaun Perbankan Internet Peribadi mereka melalui fungsi Mighty Bank yang tersedia dalam app UOB Mighty Malaysia.
 - Hanya muat turun dan mendaftar masuk ke Mighty buat yang pertama kali sahaja yang layak bagi penyertaan tambahan.

Nota: Penyertaan Tambahan yang diperolehi dibawah Klausa 19(b) dan (c) hanya melayakkan Pelanggan Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Yang Layak untuk berpeluang memenangi Hadiah Utama, Hadiah Bulanan dan Hadiah Saguhati sahaja.

HADIAH

20. Tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini, setiap Ahli-ahli Kad Yang Layak akan layak memenangi maksimum satu (1) Hadiah dalam Kempen ini.

Jadual C

Jenis	Hadiah	Jumlah Hadiah sepanjang Tempoh Kempen
Hadiah Utama	BMW 530e Sport	1 unit
	BMW 330e M Sport	1 unit
Hadiah Bulanan	6 hari, 5 malam untuk 2 orang ke Hawaii, Amerika Syarikat termasuk penerbangan, penginapan dan aktiviti	4 pasangan
Hadiah Mingguan	5 minit Sapuan Runcit (maksimum RM,5000 bagi setiap pemenang)	Satu (1) pemenang bagi setiap Minggu Penyertaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual D, seramai lapan belas (18) pemenang semua sekali
Hadiah Harian	25,000 Mata AirAsia BIG	Satu (1) pemenang setiap hari, seramai seratus dua puluh enam (126) pemenang semua sekali
Hadiah Saguhati	RM 100 baucar minyak Petron	300 unit baucar minyak

21. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan dan / atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh mana-mana rakan niaga atau mana-mana dari pihak lain walaupun atas sebab-sebab lain.
22. Bagi Hadiah Mingguan, semua transaksi akan dikira dari 0000 jam Malaysia hingga 2359 jam dari hari pertama setiap Minggu Penyertaan hingga hari terakhir setiap Minggu Penyertaan sepanjang Tempoh Kempen. Tarikh dan masa transaksi adalah berdasarkan masa transaksi seperti yang dirakam oleh rekod transaksi UOBM dalam Tempoh Kempen.
23. Bagi Hadiah Harian, semua transaksi akan dikira dari 0000 jam Malaysia hingga 2359 jam dalam Tempoh Kempen. Tarikh dan masa transaksi adalah berdasarkan masa transaksi seperti yang dirakam oleh rekod transaksi UOBM dalam Tempoh Kempen.
24. Hadiah Utama tidak termasuk yuran pendaftaran kereta, cukai jalan dan perlindungan insurans. Pemenang akan bertanggungjawab untuk sebarang kos tambahan, duti, cukai dan / atau perbelanjaan sampingan lain, yang berkemungkinan ditanggung akibat daripada dan / atau berkaitan dengan penerimaan Hadiah Utama oleh pemenang.
25. Hadiah diberikan, tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau barangan lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

26. Sapuan Runcit 5 Minit

Sapuan Runcit 5 Minit akan diadakan di Ben's Independent Grocer, Damansara City Mall dan / atau Ben's Independent Grocer, Jalan Tun Razak (Intermark); tempat sebenar, tarikh dan masa akan diumumkan oleh UOBM dua (2) minggu lebih awal sebelum Hari Sapuan Runcit ("Hari Sapuan Runcit").

- a) Surat pengesahan akan dihantar ke alamat pengebilan Pemenang Sapuan Runcit yang direkodkan dalam sistem UOBM dalam tempoh enam belas (16) minggu daripada akhir setiap Bulan Penyertaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual E di bawah;
- b) Sekiranya Pemenang Sapuan Runcit, atas sebab / keadaan yang tidak dapat dielakkan termasuk tetapi tidak terhad kepada kekurangupayaan fizikal, untuk digantikan dengan ahli keluarga atau rakan lain untuk mengambil bahagian dalam Hari Sapuan Runcit, hendaklah menghantar e-mel kepada atau menghubungi UOBM tidak lewat daripada lima (5) hari bekerja sebelum Hari Sapuan Runcit kegagalan di mana hadiah tersebut akan dilucutkan / ditarik balik oleh UOBM mengikut budi bicara mutlaknya tanpa merujuk kepada Pemenang Sapuan Runcit.
- c) UOBM berhak atas budi bicaranya untuk membenarkan atau tidak membenarkan pemindahan tersebut dengan menerima surat kebenaran dari Pemenang Sapuan Runcit.
- d) Semua kos, yuran dan / atau perbelanjaan yang dilakukan atau akan dilakukan oleh Pemenang Sapuan Runcit berkaitan dengan Kempen dan / atau tuntutan untuk Hadiah, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk pengangkutan, penginapan, makanan, kos peribadi dan / atau apa-apa kos lain, adalah tanggungjawab tunggal Pemenang Sapuan Runcit.
- e) Sekiranya Pemenang Sapuan Runcit tidak dapat menghadiri Hari Sapuan Runcit, dia akan secara automatik dibatalkan dan tiada pampasan atau penyusunan semula akan dibuat selepas Hari Sapuan Runcit.
- f) Pemenang Sapuan Runcit juga adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang digunapakai pada Hari Sapuan Runcit:

Setiap Pemenang Sapuan Runcit akan diberi satu (1) troli beli-belah untuk memilih sebanyak mungkin barangan runcit dalam masa lima (5) minit (bersamaan dengan 300 saat) dalam kawasan yang ditetapkan dalam Ben's Independent Grocer, Damansara City Mall dan / atau Ben's Independent Grocer, Jalan Tun Razak (Intermark).

- i. Pemenang Sapuan Runcit akan memulakan dan mengakhiri Sapuan Runcit dengan bunyi hon. Apabila mendengar hon terakhir, semua Pemenang Sapuan Runcit mesti kembali ke kaunter daftar keluar. Mana-mana barang yang diambil selepas hon dibunyikan akan dikeluarkan daripada troli beli-belah.
- ii. Sekiranya jumlah kos item barangan runcit yang dipilih ("Jumlah Sapuan") melebihi Amaun Hadiah (maksimum RM5,000 bagi setiap Pemenang Sapuan Runcit), Pemenang Sapuan Runcit mempunyai pilihan sama ada membayar perbezaan di antara Jumlah Sapuan dan Amaun Hadiah atau untuk mengalih keluar item yang dipilih daripada troli beli-belah. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang perbezaan antara Jumlah Sapuan dan Amaun Hadiah.
- iii. Semua Pemenang Sapuan Runcit diharapkan untuk mengamalkan usaha yang wajar serta menerima liabiliti dan tanggungjawab penuh ketika mengendalikan troli beli-belah semasa Sapuan Runcit .

- iv. UOBM tidak akan bertanggungjawab atau menanggung apa-apa kerugian, kerosakan , atau kecederaan dalam apa jua cara sekalipun yang dialami oleh Pemenang Sapuan Runcit akibat penyertaan mereka dalam Kempen dan / atau Hari Sapuan Runcit dan / atau penggunaan barang runcit.
- v. Sebarang pertikaian berhubung dengan kualiti atau waranti barangan runcit atau apa-apa terma dan syarat yang berkaitan dengannya hendaklah diselesaikan secara langsung oleh Pemenang Sapuan Runcit dengan pengedar / pembekal yang sah tanpa mencari jalan keluar lanjut dari UOBM. UOBM tidak bertanggungjawab atau menanggung sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sebarang produk tertentu berkenaan Kempen ini atau Hari Sapuan Runcit dan Hadiah.

27. Minggu Penyertaan semasa Tempoh Kempen adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual D di bawah:

Jadual D

Minggu Penyertaan	Tempoh	Peruntukan Jumlah Hadiah (Pemenang)
1	8 Oktober 2018 - 14 Oktober 2018	1
2	15 Oktober 2018 - 21 Oktober 2018	1
3	22 Oktober 2018 - 28 Oktober 2018	1
4	29 Oktober 2018 - 4 November 2018	1
5	5 November 2018 - 11 November 2018	1
6	12 November 2018 - 18 November 2018	1
7	19 November 2018 - 25 November 2018	1
8	26 November 2018 - 2 Disember 2018	1
9	3 Disember 2018 - 9 Disember 2018	1
10	10 Disember 2018 - 16 Disember 2018	1
11	17 Disember 2018 - 23 Disember 2018	1
12	24 Disember 2018 - 30 Disember 2018	1
13	31 Disember 2018 - 6 Januari 2019	1
14	7 Januari 2019 - 13 Januari 2019	1
15	14 Januari 2019 - 20 Januari 2019	1
16	21 Januari 2019 - 27 Januari 2019	1
17	28 Januari 2019 - 03 Februari 2019	1
18	4 Februari 2019 - 10 Februari 2019	1

28. Bulan Penyertaan semasa Tempoh Kempen adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual E di bawah:

Jadual E

Bulan Penyertaan	Tempoh	Peruntukan Jumlah Hadiah (Pemenang)
1	8 Oktober 2018 - 4 November 2018	4
2	5 November 2018 - 9 Disember 2018	5
3	10 Disember 2018 - 6 Januari 2019	4
4	7 Januari 2019 - 10 Februari 2019	5

PROSES PEMILIHAN PEMENANG DAN SYARAT DAN TERMA KHUSUS

29. Berdasarkan peruntukan Penyertaan Yang Layak, Pelanggan Yang Layak akan disenarai pendek oleh program perambang UOBM untuk menerima Hadiah.
30. Pada masa urusan menyenarai pendek, Pelanggan yang Layak mesti memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan di atas ("Kriteria Pelanggan Layak Yang Disenarai Pendek").
31. Pelanggan Yang Layak boleh menyertai semua kempen yang dianjurkan oleh UOBM. Walau bagaimanapun, bagi mengelakkan keraguan, setiap Pelanggan Yang Layak hanya boleh memenangi SATU (1) hadiah pada bulan yang sama dalam Tempoh Kempen. Wakil dari UOBM akan menghubungi Pelanggan Yang Layak melalui panggilan telefon.
32. Pemberitahuan kepada Pemenang
- a) Pelanggan Layak Yang Disenarai Pendek akan dihubungi oleh UOBM melalui SMS di nombor telefon bimbit yang didaftarkan untuk Kempen ini atau nombor hubungan terkini yang direkodkan dalam sistem UOBM pada bila-bila masa semasa waktu pejabat. SMS tersebut akan dibuat kepada Pelanggan Layak Utama sahaja.
 - b) Pelanggan Layak Yang Disenarai Pendek dikehendaki menjawab satu (1) soalan. Pelanggan Layak akan dianggap sebagai pemenang jika dapat menjawab soalan tersebut dengan betul.
 - c) Sekiranya Pelanggan Layak Yang Disenarai Pendek tidak dapat menjawab soalan dengan betul atau tidak menjawab SMS di atas dalam masa / tarikh yang ditetapkan, dia akan ditarik balik sebagai Pelanggan Layak Yang Disenarai Pendek oleh UOBM atas budi bicara mutlaknya dan Pelanggan Layak berikutnya dalam urutan akan disenarai pendek.
 - d) Sekiranya Pelanggan Layak Yang Disenarai Pendek tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan pada hari yang sama untuk apa jua sebab dan / atau Pelanggan yang Layak berkeinginan untuk menarik diri dari Kempen / Hadiah ini apabila dihubungi oleh wakil UOBM, dia akan hilang kelayakan daripada Kempen / Hadiah ini.
33. Semua pemenang akan dimaklumkan melalui SMS oleh UOBM dalam tempoh lapan (8) minggu selepas berakhirnya Kempen.
34. Bagi tuntutan Hadiah Utama, Pemenang dikehendaki dengan sendirinya untuk mendaftar dan menanggung apa-apa perbelanjaan yang diperlukan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan

(JPJ) sebelum upacara pemberian hadiah, di mana tarikh dan tempat akan ditentukan oleh UOBM mengikut budi bicara mutlaknya.

35. Penyempurnaan dan penghantaran Hadiah Utama akan diberikan oleh pengedar sah BMW di Malaysia, Quill Automobiles Sdn Bhd ("Quill Automobiles").
36. Hadiah Harian akan dikreditkan ke akaun AirAsia BIG Pemenang dalam tempoh lapan (8) minggu selepas berakhirnya Kempen.
37. Hadiah yang diberikan tidak termasuk sebarang aksesori atau barang yang ditunjukkan dalam risalah, laman web atau apa-apa bahan pemasaran yang berkaitan dengan Kempen ini, kerana ia hanya untuk tujuan ilustrasi.
38. Berkenaan dengan Hadiah Bulanan (iaitu tiket penerbangan pergi-balik ke Hawaii), sila ambil perhatian bahawa: -
 - a) Pemenang mesti memegang pasport yang sah dengan sekurang-kurangnya baki tempoh sah enam (6) bulan atau mengikut peraturan dan pengawalseliaan Amerika Syarikat. Adalah menjadi tanggungjawab pemenang untuk mendapatkan visa dan dokumen perjalanan lain yang diperlukan (jika diperlukan) pada kos dan perbelanjaan mereka sendiri. Tiada apa-apa pampasan yang akan diberikan kepada pemenang sekiranya mereka gagal memperoleh dokumen sedemikian, tanpa mengira keadaan.
 - e) Kawalan pasport dan pihak berkuasa dalam negara berhak untuk menolak kemasukan. Jika pemenang Hadiah Bulanan ditolak laluan, kemasukan atau keluar ke atau dari negara / destinasi yang dilawati, UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada pemenang yang ditolak laluan, kemasukan atau keluaran serta apa-apa kos tambahan yang ditanggung dan akan menjadi kos dan tanggungjawab pemenang sepenuhnya.

TERMA DAN SYARAT AM UOBM

39. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli-Ahli Kad Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini (termasuk sebarang pembetulan dan / atau variasi di dalamnya) dan terma dan syarat di dalam Perjanjian Ahli Kad, Pinjaman Peribadi, dan/atau Akaun Simpanan/Semasa. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan antara terma dan syarat ini dan terma dan syarat di dalam Perjanjian Ahli Kad berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
40. Keputusan UOBM dalam semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini dan dalam hal pertikaian, adalah muktamad dan mengikat atas Ahli-Ahli Kad Layak.
41. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa/Mastercard Worldwide, pertubuhan pedagang, pihak pos atau telekomunikasi yang berkuasa atau mana-mana pihak lain yang mungkin menyebabkan Ahli-Ahli Kad Layak tidak berhak menerima Hadiah di bawah Kempen ini.
42. Rekod transaksi yang dikekalkan oleh UOBM dan keputusan UOBM ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat atas Ahli-Ahli Kad Layak. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk memberikan apa-apa sebab atau membuat apa-apa surat-menyurat dengan mana-mana orang atas apa-apa perkara yang

berkaitan dengan Kempen. Tiada sebarang rayuan atau surat-menyurat dari mana-mana Ahli-Ahli Kad Layak atau pihak ketiga akan dilayan.

43. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah nyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berhubung dengan Kempen ini dan / atau Hadiah yang ditawarkan diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.
44. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk (termasuk kecederaan, kematian, kerugian atau kerosakan akibatnya) dan bagaimanapun timbul atau dialami oleh Ahli-Ahli Kad dan / atau pihak ketiga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini dan/atau Hadiah
45. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada mereka diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan, berkenaan dengan Kempen ini dan Hadiah dalam Kempen in, termasuk atau tidak dengan waranti untuk kualiti terhadap hadiah tersebut. .
46. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang pengiklanan, kempen, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
47. UOBM berhak untuk menambah, memadamkan/ atau mengubah terma dan syarat Kempen ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlakny, dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Ahli-Ahli Kad melalui paparan di laman web UOBM, memaparkan notis di mana-mana cawangan UOBM, memasukkan pernyataan dalam penyata Akaun pelanggan atau apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM dari masa ke semasa.
48. UOBM berhak mengikut budi bicara mutlakny untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tamat Tempoh Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan Kempen oleh UOBM tidak melayakkan Ahli-Ahli Kad untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Ahli-Ahli Kad sama ada sebagai langsung atau akibat tidak langsung dari apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan.
49. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli-Ahli Kad Layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

TAMAT